

NO. SOALAN : 85

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN
HAJI MOHD FAKEH [SABAK
BERNAM]**

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan penyimpan Lembaga Urusan Tabung Haji (Tabung haji) yang telah mendaftar untuk menunaikan haji sehingga September 2014 mengikut kumpulan umur bawah 12 tahun, 13 tahun hingga 59 tahun dan 60 tahun ke atas.

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2014, pendeposit Tabung Haji (**TH**) adalah berjumlah 8.5 juta orang dan daripada jumlah tersebut, bilangan pendeposit **TH**

yang telah mendaftar untuk menunaikan fardhu haji adalah berjumlah 1.5 juta orang.

Pendaftaran haji mengikut kategori umur adalah seperti berikut:

- bawah 12 tahun adalah berjumlah 141,478 orang (9.3%);
- 13 tahun hingga 59 tahun berjumlah 1,166,212 orang (76.6%); dan
- 60 tahun ke atas adalah berjumlah 215,181 orang (14.1%).

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 86

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

RUJUKAN : 7260

SOALAN:

Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan
penguatkuasaan dan undang-undang yang telah diambil bagi
membendung kegiatan maksiat seperti pelacuran, judi haram dan
jenayah senjata api khususnya di Negeri Selangor dan sejauh
manakah kebenarannya dakwaan penglibatan ahli politik sebagai
dalang dan melindungi kegiatan-kegiatan ini bagi mendapatkan dana
untuk aktiviti politik mereka.

JAWAPAN:

Pihak PDRM, khasnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan kes jenayah yang melibatkan perjudian haram, pelacuran dan penggunaan senjata api dalam kes pembunuhan, samun dan rompak. Jabatan ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjelaskan imej negara dan menggugat ketenteraman awam negara.

Bagi menentukan aktiviti berkenaan dapat ditangani dengan lebih berkesan dan terancang, Kementerian telah mengambil pendekatan dan langkah-langkah seperti berikut:-

- i) **Memperhebatkan tindakan yang tegas bagi pembanterasan kegiatan mesin perjudian berkomputer (Op Dadu Khas) dengan tumpuan dan skala yang lebih besar di seluruh negara.**
- ii) **Kementerian dalam perancangan untuk menukuhkan pasukan khas di peringkat Bukit Aman bagi membasmi masalah perjudian, kongsi gelap dan maksiat secara lebih berkesan. Penubuhan pasukan khas dengan kekuatan seramai 200 orang pegawai dan 30 orang kakitangan awam**

akan membuat serbuan dan pemeriksaan pusat-pusat yang menganjurkan perjudian di seluruh negara. Pasukan khas yang dikenali sebagai *Skuad Taktikal Khas 3* (perjudian, maksiat dan kongsi gelap) dijangka akan mula beroperasi pada bulan Disember nanti. Di samping itu, PDRM sudah mempunyai pasukan khas iaitu STAFOC (*Special Task Force On Organized Crime*) dan STING (*Special Tactical Intelligence Narcotics Group*) bagi mengambil tindakan kepada jenayah dan dadah.

- iii) Pihak Kementerian telah menyediakan satu nota makluman dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri tentang keperluan tindakan bersepada antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan pihak PDRM untuk mengekang kegiatan perjudian memandang pihak PBT mempunyai budi bicara bagi meluluskan dan membatalkan premis dan lesen untuk perniagaan “cybercafé” di kawasan pentadbiran masing-masing.
- iv) Pihak Kementerian sedang mengkaji tindakan alternatif akan diambil di bawah Rang Undang-Undang Pencegahan Jenayah (POCA) jika tiada keterangan yang kukuh untuk dituduh di mahkamah terhadap individu atau sindiket yang menganjurkan perjudian haram.

Berdasarkan risikan maklumat yang dibuat, setakat ini tidak ada bukti jelas menunjukkan ada penglibatan ahli politik sebagai dalang atau melindungi kegiatan-kegiatan tersebut.

Usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi yang dilakukan secara agresif dan berterusan dilihat dapat mengekang gejala ini dari terus berlaku, namun demikian usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Di samping itu, orang ramai perlulah menghindari aktiviti yang tidak sihat ini, aktiviti perjudian dan maksiat akan terus wujud jika ada permintaan daripada masyarakat.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN
DARIPADA HAJI MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) serta pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) mampu meletakkan Malaysia dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa mengikut pengukuran Kajian Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) dan Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) dalam tempoh 15 tahun akan datang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memastikan perancangan yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) akan membawa hasil yang diharapkan. Pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang sedang dijalankan oleh KPM untuk meningkatkan pencapaian murid dalam Ujian *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) pada masa akan datang. Antaranya ialah penerapan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum, memberi kursus KBAT kepada guru-guru, aktiviti KBAT berdasarkan projek serta

perkongsian program KBAT dengan pihak swasta dan komuniti. KPM juga telah meningkatkan peratus kandungan KBAT dalam soalan peperiksaan awam, memperkenalkan program *i-Think* kepada guru untuk melatih murid menggunakan alat berfikir dan melaksanakan penambahbaikan terhadap kurikulum sedia ada supaya merangkumi kesemua topik yang ada dalam kajian *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS).

Kurikulum Sains dan Matematik serta pentaksiran telah pun ditanda aras oleh Pearson berasaskan perbandingan kurikulum serta pentaksiran bagi Singapura dan United Kingdom. Elemen KBAT akan dipertingkatkan dan dinyatakan secara eksplisit dalam dokumen kurikulum. Ini adalah untuk memastikan elemen tersebut akan diterjemahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) atau ringkasnya PPPM(PT) pada tahun hadapan merupakan dokumen strategik yang menggariskan hala tuju pengajian tinggi untuk tempoh 10 tahun bermula 2015 hingga 2025. Matlamatnya adalah untuk mentrasformasikan pendidikan tinggi ke arah kegembilangan. Ia dirangka dengan mengambil kira hasil Laporan Semakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan diselaraskan dengan PPPM (Prasekolah dan Pendidikan Lepas Menengah) 2013-2025.